

**PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEENAM BELAS
NEGERI SABAH**

ATURAN URUSAN MESYUARAT

HARI RABU, 30 NOVEMBER 2022, PUKUL 10:00 PAGI

Bil. 13

PERTANYAAN-PERTANYAAN UNTUK JAWAPAN LISAN

- *1. **YB. Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah strategi kerajaan untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan hak milik tanah khususnya di luar bandar.
- *2. **YB. Tuan Tan Lee Fatt [Likas]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, berikan status projek sistem pembentungan di bawah tajuk *sinkhole repair work at* Jalan Telok Likas dan pembaikan Paip Pembentungan sepanjang Jalan Kota Kinabalu - Kudat.
- *3. **YB. Datuk Suhaimi bin Haji Nasir [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, adakah sebarang perancangan kementerian bagi membina lebih banyak pusat internet di kawasan kampung di luar bandar.
- *4. **YB. Datuk Hamild @ Hamid Bin Hj. Awang [Balung]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN DAN PERINDUSTRIAN**, apakah perancangan jangka panjang kerajaan dalam mewujudkan *industrial park* yang berpotensi menjadi satu halal *hub* di daerah Tawau.
- *5. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI BELIA DAN SUKAN:-**
 - a) apakah perancangan berkaitan pembangunan belia; dan
 - b) berapakah bantuan atau peruntukan untuk membantu belia di Penampang mendapat pekerjaan seperti mewujudkan lebih banyak program percuma kepada belia dalam bidang perkeranian, *customer service* dan juga bidang jualan.
- *6. **YB. Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, apakah status terkini jalur lebar 5G yang telah di bina di kawasan pedalaman N.30 Bongawan.
- *7. **YB. Datuk Dr Yusof @ Josree Yacob [Sindumin]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II/ MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk memberi bantuan kepada penoreh-penoreh getah di

Sabah khususnya di daerah Sipitang yang tidak dapat menoreh getah akibat musim tengkujuh dan kini harga komoditi getah juga semakin rendah.

- *8. **YB. Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI TUGAS-TUGAS KHAS DAN PENYELARASAN**, apakah langkah dan program yang dibuat oleh kerajaan untuk pastikan rakyat Sabah mencapai 100 peratus celik Al-Quran.
- *9. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, adakah kerajaan bercadang untuk mewartakan rancangan tempatan bagi daerah Tawau.
- *10. **YB. Datuk Hassan A Gani Pg. Amir [Sebatik]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, apakah status cadangan projek pembinaan klinik di Kampung Sungai Tamang/ Mentadak Pulau Sebatik.
- *11. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, apakah perancangan kementerian bagi mengatasi masalah lampu jalan yang belum dipasang di kawasan kampung.
- *12. **YB. Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak [Usukan]** bertanya kepada **MENTERI BELIA DAN SUKAN**, adakah kerajaan berhasrat untuk memberi bantuan kebajikan kepada para atlet yang telah mengharumkan nama negeri Sabah dan juga negara.
- *13. **YB. Datuk Suhaimi bin Haji Nasir [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, adakah kementerian bercadang untuk membuka pusat pelancongan baharu berasaskan kunang-kunang (*firefly*) di negeri Sabah.
- *14. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, bilakah projek pembinaan pekan baru Tungku akan bermula.
- *15. **YB. Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah langkah-langkah penyelesaian bagi mengatasi masalah banjir kilat yang berlaku disebabkan oleh pembinaan lebuh raya Pan Borneo.
- *16. **YB. Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah halangan dan masalah sebenar kelewatan pengeluaran geran-geran tanah di seluruh Sabah sehingga mengambil masa berpuluh-puluh tahun walaupun sudah diukur dan di rujuk ke *LUC Meeting*.

- *17. **YB. Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, apakah langkah proaktif Kementerian di Lapangan Terbang Tawau yang terpaksa menampung jumlah pelancong yang semakin bertambah sehingga melebihi kapasiti lapangan terbang.
- *18. **YB. Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI TUGAS-TUGAS KHAS DAN PENYELARASAN**, adakah kerajaan bercadang untuk membina pusat pendidikan untuk saudara baharu di seluruh daerah negeri Sabah.
- *19. **YB. Datuk Suhaimi bin Haji Nasir [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, apakah tindakan kementerian dalam membantu peniaga kecil dan peniaga tepi jalan dalam meningkatkan kemudahan dan ekonomi mereka.
- *20. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah status penyelenggaraan dan penaiktarafan pembentungan di kawasan Kapayan dan Penampang.
- *21. **YB. Tuan Phoong Jin Zhe [LUYANG]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah kerajaan negeri terbuka untuk memperkenalkan lebih banyak reformasi demokratik bagi memperhebatkan sistem demokrasi Sabah seperti melibatkan ADUN dalam jawatankuasa penting misalnya jawatankuasa bencana daerah dan memperkenalkan enakmen untuk memberi peruntukan sama rata kepada semua ADUN tanpa kira kerajaan atau pembangkang.
- *22. **YB. Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, adakah kerajaan negeri berhasrat membina lebih banyak klinik kesihatan kerajaan khususnya membabitkan kawasan luar bandar di kawasan Kalabakan.
- *23. **YB. Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **MENTERI BELIA DAN SUKAN**, apakah status pelaksanaan bantuan perumahan untuk belia berkeluarga yang pernah diumumkan oleh Menteri Belia Persekutuan.
- *24. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, apakah kaedah terkini kementerian untuk mengawal harga dan cara agihan barangan keperluan asas, seperti minyak masak, gula, telur, beras serta pelbagai barangan keperluan asas lain agar dapat di kawal selia mengikut piawaian semasa untuk mengelakkan kenaikan harga dan kekurangan stok di pasaran.
- *25. **YB. Datuk Mohd Arsad bin Bistari [Tempasuk]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, apakah langkah yang boleh diambil oleh pihak kementerian dalam membantu untuk menaik tarafkan talian dan rangkaian internet

khususnya di kawasan DUN Tempasuk seperti di Mukim Rosok yang mempunyai masalah rangkaian yang tidak dapat menampung keperluan penduduk disitu.

- *26. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, mengapakah aplikasi Pengaduan Awam iaitu RESPON RAKYAT tidak digunakan sebaliknya diwujudkan aplikasi lain di setiap Jabatan, kementerian, Majlis Daerah, Dewan Bandar raya. Ini telah menyukarkan penyaluran maklumat dan penerimaan jawapan terhadap aduan-aduan yang dibuat.
- *27. **YB. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah pelan pengangkutan awam (*Public Transportation Plan*) bagi bandar raya Kota Kinabalu untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas dalam bandar raya.
- *28. **YB. Tuan Haji Dumi Pg Masdal [Silam]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, bilakah projek MESEJ rumpai laut yang dicadangkan di Kg Bangkuruan akan di mulakan memandangkan di kawasan DUN Silam belum ada lagi lagi projek MESEJ pernah dibangunkan.
- *29. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, adakah perancangan kerajaan untuk menaik taraf sistem pengairan kecil di DUN N.41 Liawan kerana buat masa ini kerja-kerja penyelenggaraan dilakukan oleh para petani sendiri dengan dibantu Jabatan Pengairan dan Saliran secara gotong- royong.
- *30. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, adakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan bon baharu bagi membiayai pembangunan di negeri ini.
- *31. **YB. Tuan Hiew Vun Zin [Karamunting]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, kenapakah isu tekanan air paip yang rendah pada waktu siang dan kerap mengalami masalah bekalan air terputus yang menyebabkan ramai peniaga terjejas masih lagi berlaku dan apakah usaha kerajaan untuk mengatasi masalah ini.
- *32. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, berapakah jumlah yang telah diperuntukkan untuk kawasan Kadamaian pada tahun ini bagi pembinaan baharu rumah PPRT dan baikpulih rumah PPRT.
- *33. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, bilakah jalan kampung Lok Buani akan dinaiktaraf.

- *34. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah perkembangan rancangan untuk mewujudkan UTC di Sandakan selepas mengadakan mesyuarat dengan jabatan dan agensi yang berminat untuk beroperasi di UTC Sandakan.
- *35. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, apakah status pelantikan syarikat konsesi baru yang meliputi Taman Anson, Taman Da Hua 1, Taman Shangrila dan Taman Green bagi penyelenggaraan pemotongan rumput dan pembersihan saliran.
- *36. **YB. Tuan Phoong Jin Zhe [LUYANG]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah senarai kawasan rendah atau kawasan risiko tinggi banjir di seluruh Luyang dan pendekatan yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah banjir di semua kawasan rendah ini.
- *37. **YB. Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah status pembinaan *flyover* di bulatan Sigah di Penampang dan apakah kemampuan pembinaan *flyover* tersebut untuk menyelesaikan masalah lalu lintas untuk jangka pendek dan panjang.
- *38. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, bilakah lampu dan kipas di Pasar Kim Fung akan diperbaiki semula demi kegunaan dan keselesaan peniaga dan juga pengunjung pasar.
- *39. **YB. Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah perkembangan pembinaan loji air di Tawau/Kalabakan.
- *40. **YB. Tuan Chong Chen Bin [Tanjong Kapor]** bertanya kepada **KETUA MENTERI:-**
- a) berapakah jumlah kes kebakaran di Sabah dari tahun 2018 – 2020; dan
 - b) jumlah kes kebakaran yang berlaku pada tahun 2021 – 2022 yang melibatkan perkampungan setinggan.
- *41. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah tindakan kerajaan berkenaan *low level crossing* yang kini tidak lagi relevan disebabkan keadaan sungai yang kerap dilanda banjir besar.

- *42. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, melalui bajet negeri 2023, adakah pihak kementerian mempunyai cadangan untuk memulakan projek perintis “Pusat Gedung Makanan terbesar di Sabah” dengan meletakkan hasil tanaman kontan dan pelbagai produk tempatan lain sebagai produk utama yang akan diketengahkan atau dipasarkan secara meluas.
- *43. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, adakah Kerajaan bercadang menubuhkan akaun amanah khas untuk penyaluran peruntukan projek-projek persekutuan di Sabah.
- *44. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, berapakah anggaran bajet yang akan diagihkan oleh pihak kementerian bagi tujuan menyelenggara segala aset bekalan air termasuk loji takungan air di kawasan daerah Nabawan kerana di daerah ini sering kali mengalami gangguan bekalan air.
- *45. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, bilakah pihak kementerian akan menyelesaikan masalah kekurangan pekerja di sektor perladangan yang sudah dihadapi bertahun-tahun lamanya.
- *46. **YB. Tuan Tan Lee Fatt [Likas]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, nyatakan status permohonan pihak swasta dalam pengeluaran air terawat dan cadangan pembelian air terawat daripada *Independent Water Supply Provider*.
- *47. **YB. Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah kementerian merancang untuk membina rumah-rumah bagi penjawat awam di daerah Telupid bagi menyelesaikan kekurangan rumah atau kuarters kerajaan.
- *48. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah rancangan kerajaan untuk mengawal selia dan menangani kenaikan harga daging khinzir.
- *49. **YB. Tuan Phoong Jin Zhe [LUYANG]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**,
- a) apakah statistik penggunaan “Q bus” yang telah dilaksanakan di Kota Kinabalu beberapa bulan yang lalu seta rancangan seterusnya; dan
 - b) berapakah kos dan pembelanjaan telah dibelanjakan setiap bulan.

- *50. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, apakah perancangan kementerian bagi menaik taraf bangunan-bangunan lama yang terdapat di Sandakan agar dapat menarik minat orang ramai khususnya kepada pelancong untuk terus berkunjung ke Sandakan.
 - *51. **YB. Tuan Tan Lee Fatt [Likas]** bertanya kepada **MENTERI TUGAS-TUGAS KHAS DAN PENYELARASAN**, nyatakan status rancangan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah untuk membina 10 buah sekolah dalam Rancangan Malaysia Ke 12 di Sabah.
 - *52. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **MENTERI KERJA RAYA**, adakah perancangan kerajaan untuk menaik taraf bekalan elektrik ke kawasan-kawasan perkampungan yang belum menerima kemudahan ini khususnya di kawasan pedalaman secara sepenuhnya.
- * Pertanyaan-pertanyaan yang tidak sempat dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis.